## CADANGAN DAN PENUTUP

## PENUTUP DAN CADANGAN

## PENUTUP

Kita semua mengetahui suasana dan keadaan yang dihadapi oleh umat Islam masa kini. Mereka terdedah kepada berbagai-bagai penyakit dan bermacammacam penyelewengan sama ada akidah, ibadah, syariat dan sebagainya.

Penyelewengan yang paling bahaya yang dihadapi oleh umat Islam ialah peyelewengan di dalam akidah. Terdapat sebahagian umat Islam tidak sedar mereka diperalatkan oleh musuh-musuh Islam untuk merosakkan Islam dari dalam. Taktik ini sudah dirancang oleh musuh-musuh Islam untuk melemahkan keimanan mereka dan membawa mereka kepada ke kukufuran, menurut Muhammad Qutub:

"Manusia yang telah kehilangan dalam dirinya keimanan kepada Allah dan Hari Akhirat tidak berupaya melihat realiti dalam dirinya yang telah dicipta oleh Allah Rabbu al Alamin dan juga yang mencipta langit dan bumi untuk manusia, sebaliknya dia mengabaikannya dan memperkecil-kecilkan nikmat itu!

<sup>&</sup>lt;sup>1</sup> Muhammad Qutb, *Lā Ilāha Illā Allah*; <sup>c</sup>Aqīdah Wa Sharī<sup>c</sup>ah Wa Manhaj al-IIayāh, ms 43 - 44.

Firman Allah Taala:

Terjemahan: "Maka adakah patut kamu menyangka bahawa kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaanNya itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada kami"

Keadaan manusia yang lupa dirinya, lupa penciptanya seumpama hidupnya tidak bererti kerana dia telah sesat jauh dari landasan Islam dan nilai-nilai mulia, Allah telah mengangkat martabat manusia lebih tinggi dari haiwan tetapi ia telah jatuh ke lembah yang hina dan menjadi dirinya jauh tersesat, sebagaimana yang disebut di dalam al Quran:

Firman Allah Taala:

<sup>&</sup>lt;sup>2</sup>Surah al-Mukminün: 115.

<sup>&</sup>lt;sup>3</sup>Surah al-A<sup>c</sup>rāf: 179.

Terjemahan: "Yang mempunyai hati yang tidak (mahu) memahami dengannya (ayat-ayat Allah) dan mempunyai mata yang tidak (mahu) melihat dengannya (bukti keasaan Allah) dan mempunyai telinga yang tidak (mahu) mendengar dengannya (ajaran dan nasihat), mereka itu seperti binatang ternak, bahkan lebih sesat lagi, mereka itulah orang-orang yang talai"

Allah Taala telah memuliakan anak Adam dan menjadikan kehidupan di alam maya ini tempat mereka menyambung zuriat mereka dan mempunyai matlamat serta tujuan supaya mereka menghargai kehidupan ini dengan sebaikbaiknya.

Firman Allah Taala:

Terjemahan:"Wahai umat manusia sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya diantara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsa)"

<sup>&</sup>lt;sup>4</sup>Surah al-Hujurāt: 13.

Oleh kerana manusia, lupa dan lalai menyebabkan ia jauh terpesong dari landasan keimanan. Hanya hamba-hamba Allah yang taat dan beriman kepadaNya sahaja serta tidak menyekutuiNya, dialah orang yang benar di sisi Allah dari kalangan hamba-hambaNya. Rasulullah s.a.w bersabda

Terjemahan: "Tidakkah kamu ketahui apakah hak Allah terhadap hamba-hambaNya? Hak Allah terhadap mereka ialah hendaklah mereka menyembahNya dan tidak menyekutuiNya dengan yang lain"

Di dalam memahami akidah Islam umat Islam telah berpecah kepada berbagaibagai aliran yang saling bertentangan di antara satu dengan yang lain. Perpecahan ini telah berlaku sejak berkurun-kurun lamanya dan sampai sekarang masih terus berlaku. Dalam hubungan ini kita melihat ada golongan yang menolak hadis, golongan yang menerima hadis mutawatir sahaja, golongan yang tidak menerima pakai hadis-hadis āhād sama ada dalam hukum-hakam atau akidah, golongan yang

-

<sup>5</sup> Sahīh al-Bukhārī, Kitab al-Jihād Wa al-Saār no.2644.

memakai hadis yang sangat daif dan seterusnya ada juga yang menggunakan hadishadis palsu.

Di antara golongan yang menolak hadis di dalam akidah khasnya dan mentakwilkan ayat-ayat al Quran amnya di dalam sifat-sifat Allah Jahmiyah dan kemudian dipelopori oleh Muktazilah. Muktazilah telah meletakkan manhaj akal lebih utama dari nagal.

Ramai di kalangan masyarakat hari ini menganggap Muktazilah telah tidak ada lagi dan tidak perlu diberi perhatian, tapi kalau kita meneliti dan dapat melihat kembali dengan insaf nescaya dapat kita lihat bahawa manhaj Muktazilah masih di pakai di kalangan masyarakat Islam dan masih ada pendokongnya. Ini dapat dilihat di dalam kerangka rancangan hidup individu dan masyarakat, kalau mereka ingin merancang sesuatu rancangan mereka tidak terfikir apakah yang akan dilakukan itu bertepatan dengan ajaran Islam ataupun tidak asalkan saja difikirkan baik akan diteruskan. Tetapi kalau sekiranya timbul masalah, mereka akan mencari jalan penyelesaian dari Islam.

Akidah atau kepercayaan yang betul kepada aspek-aspek yang tersebut di atas adalah merupakan komponan yang sangat penting di dalam Islam. Seluruh aktiviti Islam haruslah diasaskan kepada kebenaran, kekuatan dan kesuburan akidah tanpanya ia tidak memberikan apa-apa nilaian kerana akidah merupakan asas pegangan Islam.

Firman Allah Taala di dalam al Quran:

Terjemahan: Bandingan (segala kebaikan amal dan usaha) orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhan Nya, ialah seperti abu yang diterbangkan oleh angin pada hari ribut yang kencang, mereka tidak memperolehi sesuatu faedah pun dari apa yang mereka telah usahakan itu, sia-sianya amalan itu ialah kesan kesesatan yang iauh dari dasar kebenaran"

Dari ayat di atas menjelaskan bahawa penerimaan dan nilai sesuatu yang dilakukan dan dihasilkan oleh seseorang itu di sisi Islam pokok pangkalnya terletak kepada akidahnya. Kekukuhan dan kemantapan akidah seseorang itu akan menentukan nilai kejayaan dan pencapaiannya di dunia dan di akhirat.

<sup>&</sup>lt;sup>6</sup> Surah Ibrahim: 18.

Ulama-ulama Islam tidak pernah luput bagi menyuburkan akidah Islam kepada masyarakat dan menanganinya apabila berlaku kekeliruan dalam masalah akidah. Ulama kalam dengan golongan-golongan ahli falsafah Islam dengan pendekatannya adalah di antara kelompok Islam yang sangat ketara sebagai pembela dan pelangsung kepada keterusan akidah Islam menurut kaedah dan pendekatan masing-masing walaupun sukar dinafikan terdapat beberapa pertikaian di antara mereka dan juga pandangan yang meragukan.

Pada umumnya pendekatan pengajian akidah di sepanjang sejarah telah melalui beberapa perubahan, sama ada dari sudut asas pendekatan atau tafsirannya. Perubahan ini dipelopori oleh ulama Islam adalah atas kepekaan mereka kepada persekitaran dan keperluan semasa. Tujuannya akidah Islam benar-benar subur dan dihayati oleh umat Islam dan pada masa yang sama mampu menangani cabaran-cabaran yang mendatang. Oleh itu pengajian akidah pada tahap tersebut berkembang dengan baiknya dan dapat dimasyarakatkan. Tetapi pada tahap-tahap lain khususnya pada abad terakhir bila pendekatan pengajian akidah tidak ada perubahan, walaupun masyarakat dan persekitaran serta perkembangan ilmu telah banyak berubah. Hasilnya pengajian akidah kelihatan kering, tersisih dan terpisah tidak diminati termasuk masyarakat Islam sendiri sebagai contoh, pendekatan Ahl al Sunnah Wa al Jamaah yang menjadi pegangan majoriti umat Islam ianya berkembang baik dan berkesan bila ulama-ulama peka dengan cabaran semasa.

Seperti yang dimaklumkan Ahl al Sunnah Wa al Jama<sup>c</sup>ah bukanlah satu organisasi atau pergerakan dalam dunia Islam. Malah ia adalah satu nama yang mengandungi makna Jama<sup>c</sup>ah besar umat Islam yang iltizam kepada pegangan al Quran dan al Sunnah mengikut manhaj pemahaman yang di ajar oleh Rasullullah s.a.w dipegang dan dihayati oleh para sahabat, tabi<sup>c</sup>in, tabi atau tabiin dan mereka yang mewarisi sejak dahulu sampailah hari ini.

Dari apa yang terkandung di dalam al Quran dan berdasarkan huraiannya yang dikemukakan oleh para pemikir Islam tentang ayat-ayat mutashābihāt, perlu ada pada mereka kekuatan ilmu yang mantap yang mampu menjelaskan maksud yang sebenar ayat-ayat itu.

Senario ini dapat dilihat bagaimana ulama berselisih pendapat mengenai ayat-ayat mutashābihāt, dan berpecah kepada dua mazhab yang masyhur, iaitu mazhab salaf yang menyerahkan maksudnya kepada kehendak Allah S.W.T dan mazhab Khalaf yang mentakwilkan dengan makna majazi.

Punca kelahiran *firaq* dalam Islam adalah disebabkan kemasukkan ilmu tidak Islam yang diperlihatkan sebagai ilmu Islam, sebahagian ilmu yang disenaraikan sebagai ilmu Islam sedangkan dari sudut asal usulnya adalah bukan ilmu Islam seperti ilmu Kalam, ilmu Mantik dan juga ilmu Falsafah. Ilmu Kalam umpamanya melibatkan huraian mendekati dhat Allah. Keadaan bertentangan dengan kehendak Islam seperti kenyataan Rasulullah s.a.w yang melarang perbincangan mengenai dhat Allah. Ilmu Kalam sebenarnya berkembang melalui pimpinan mewakili aliran Muktazilah dan mula dikembangkan sekitar kurun kedua Hijrah Al Imām al Junīd (297H) ketika dikemukakan soalan tentang sekumpulan masyarakat memperkatakan ilmu Kalam di suatu kawasan di penjuru masjid di Baghdad telah mensifatkan mereka sebagai kumpulan yang berusaha membersihkan Allah dengan bukti tetapi mereka berusaha menghapuskan kekeliruan dalam perkara yang tidak keliru telah menjadikan ia lebih keliru. Manakala Profesor dalam Ilmu Kalam Dr. Mohammad al Jalinad mensifatkan ilmu Kalam sebagai antara faktor perpecahan di kalangan umat Islam.

Demikian juga tentang ilmu Mantik dan Falsafah dilihat dari sudut asal usulnya bukan dari Islam ia adalah dari tamadun asing yang dibawa masuk dan di tempatkan sebagai bahagian yang utama dalam disiplin pengajian Usuluddin, untuk tujuan menjadi senjata bagi berkhidmat menegakkan kebenaran Islam. Berasaskan objektif ini ia telah diberikan pakaian Islam.

Di institusi pengajian tinggi negara Umat Islam pada waktu ini, terdapat negara seperti Arab Saudi tidak memberi laluan kepada ilmu-ilmu ini tetapi terdapat institusi lain seperti di Mesir menempatkan ilmu ini dalam disiplin pengajian Usuluddin.

Dengan realiti dan permasalahan umat Islam masa kini dan untuk mengelakkan dari kemungkinan menimbulkan kekeliruan ilmu-ilmu ini di tempat dan dikemukakan dalam kontek perbandingan atau aspek-aspek yang selari dengan kenyataan al Quran dan Sunnah atau ilmu-ilmu ini dikemukakan sebagai sebahagian dari asas dan kaedah berfikir Islam atau kaedah pendidikan akidah atau asas dari teknik berdakwah atau lain. Apa yang lebih penting penerimaan ilmu-ilmu ini sebagai sebahagaian disiplin ilmu-ilmu Usuluddin dengan tidak meminggirkan atau tidak memberi laluan berkembang kepada ilmu-ilmu utama dan Usul Islam, seperti Perbandingan Agama, akhlak dan Tamadun Islam demi kemurnian akidah dan pemikiran umat. Pengajarannya hendaklah melihat kepada perkembangan dan suasana masa kini di kalangan umat Islam, agar menepati kemasukkannya sebagai bahagian dari disiplin ilmu Kalam untuk kemusalahatan Islam amnya.

Al Quran mengandungi segala sesuatu termasuk perihal ilmu pengetahuan, tetapi hal ini bukan bermakna di dalam al Quran terdapat segala perincian ilmu pengetahuan, apa yang dimaksudkan ialah bahawa al Quran mengandungi neraca pertimbangan dan kunci bagi segala ilmu pengetahuan, seperti dijelaskan oleh al

Ghazali di dalam al Qisiās al Mustaqīm: "Bahawa segala jenis ilmu pengetahuan bukanlah dinyatakan dengan terperinci di dalam al Quran, akan tetapi di dalamnya mengandungi ilmu-ilmu itu secara potensial yang mana di dalamnya terdapat nilainilai yang benar yang dapat membuka pintu-pintu hikmah yang tidak terhingga.

Tanggapan seperti tersebut di atas bukan sahaja terdapat pada al Ghazali dan Fakhr al Rāzī, malah al Zamakhsharī dan al Sayuṭī pun berpendapat demikian.

Menurut al Zamakhsharī sesiapa yang punya ilmu pengetahuan yang lebih maka peluang baginya memahami al Ouran lebih terbuka luas.

Al Quran meletakan kedudukan ilmu di tempat yang mulia sehingga ayat dan surah terawal di turunkan telah membicarakan tentang kalimah-kalimah yang dibaca dan kalimah-kalimah yang ditulis seperti terbukti dari ayat-ayat dari surah Nun. Demikian pemilihan Allah terhadap manusia untuk diamanahkan sebagai khalifah bumi adalah juga kerana persedian menerima ilmu yang terdapat pada diri manusia sebagaimana dijelaskan di dalam ayat 30-39 surah al Bagarah.

Di samping hakikat ini terdapat sejumlah ayat-ayat dan hadis-hadis yang banyak menjelaskan kepentingan ilmu, keutamaan orang-orang berilmu atau ulama dan menggesa penganut-penganut Islam membuat penelitian, pengajian dan penyelidikan dalam melengkapkan diri dengan pengetahuan dalam berbagai-bagai bidang.

## CADANGAN

Setelah melihat dan meneliti kesan-kesan kekeliruan umat Islam terhadap akidah, terutama yang bersangkutan dengan keimanan kepada Allah S.W.T. Dari sudut yang lain pula ulama Ahl al Sunnah Wa al Jama<sup>C</sup>ah menyatukan umat Islam dalam satu fahaman dan satu pendapat demi keharmonian umat Islam sejagat.

Kajian ini mengariskan beberapa cadangan bagi umat Islam melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap perintah Allah, di antaranya ialah:

- Sentiasa mengajarkan umat Islam al Quran dan al Sunnah dengan ikhlas tidak syirik, riak dan hasad dengki.
- Sentiasa mendidik umat Islam dengan didikan Islam yang sebenar.
- Sentiasa memberi penerangan yang jelas dan hukuman yang benar pada masalah asasi yang diperselisihkan di kalangan umat Islam

berdasarkan manhaj Ahl al Sunnah Wa al Jama<sup>c</sup>ah dengan ikhlas dan hikmah.

- Sentiasa mengislahkan di antara saudara-saudara mukmin dengan rasa takwa kepada Allah.
- Sentiasa berkerjasama dengan semua pehak dari segi urusan kebajikan dan takwa terutama menyampaikan dakwah dan takwa dalam mengislahkan umat Islam.
- Sentiasa berusaha menghidupkan 'amrūn ma<sup>C</sup>ruf nahyun munkar di antara orang-orang mukmin.
- Sentiasa menasihati umat, pemimpin dan rakyat supaya selalu bertakwa kepada Allah dan berpegang pada tali Allah dalam semua urusan mereka serta saling wasiat mewasiati dengan kebenaran Islam dan kesabaran.
- Sentiasa memberi khabar gembira kepada umat Islam dengan perjalanan yang benar mmenurut sunnah Rasulullah s.a.w yang menjadi asas kepada perpaduan

Umat dan memberi amaran terhadap mereka yang bersalah atau berlawan dengan sunnah Rasulullah s.a.w apalagi yang di anggap bidaah oleh para ulama yang muktabar, kerana bidaah adalah punca perpecahan umat.

- Sentiasa menjadikan qudwah hasanah kepada umat Islam untuk melazimi sunnah Rasulullah s.a.w dalam kehidupan hariannya.
- Sentiasa berusaha menegakkan al Sunnah dengan al Jamaah demi melancarkan al Jamaah melalui perjalanan al Sunnah.
- Institusi masjid sentiasa dihidupkan agar syiar Islam menjadi kuat dan subur.

Dengan pandangan dan cadangan yang dikemukakan itu nescaya agama Islam akan tinggi menjulang dan umat Islam akan hidup harmoni dan kasih sayang antara satu sama lain.

Harapan saya agar umat Islam peka dengan keadaan persekitaran mereka yang sentiasa dipenuhi dengan cabaran dan dugaan. Hanya mereka yang takut kepada Allah sentiasa berwaspada dan berhati-hati dari mengikut arus yang tidak ada haluannya, dan kepada Allah S.W.T kita berserah supaya menunjukkan jalan yang benar dan ditempatkan bersama-sama dengan orang-orang yang saleh.